



## Kerajaan akan umum mekanisme lindungi pesara - PM Anwar

Oleh Hazwan Faisal Mohamad - Julai 6, 2023 @ 1:08pm  
hazwanfaisal@mediaprima.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kerajaan sedang memperhalusi mekanisme terbaik untuk melindungi pesara susulan keputusan Mahkamah Persekutuan baru-baru ini yang membatalkan pindaan kepada undang-undang pencen.

Perdana Menteri, berkata kerajaan akan menangani isu berkenaan dan sedang mengusahakannya.

"Kita akan uruskannya, kerajaan menghormati keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Persekutuan.

"Kita mempunyai mekanisme untuk melindungi pesara. Perincinya akan diumumkan nanti, ia sedang diusahakan buat masa ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa Ke-10 2023 (ISWC 2023) dan melancarkan aplikasi i-Akaun KWSP di sini, hari ini.

Yang turut hadir Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa dan Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Seri Ahmad Maslan.

Mahkamah Persekutuan pada 26 Jun lalu memutuskan pindaan terhadap Seksyen 3 dan 7 Akta Pelarasian Pencen (Pindaan) 2013 kurang memberi manfaat kepada pesara perkhidmatan awam, justeru mengisyiharkannya sebagai terbatal dan tidak sah.

Panel lima Hakim Mahkamah Persekutuan sebulat suara turut memutuskan bahawa peruntukan berkenaan yang membenarkan kenaikan kadar rata sebanyak dua peratus setiap tahun, bercanggah Perkara 147 Perlembagaan Persekutuan (perlindungan hak pencen) berbanding Akta Pelarasian Pencen 1980 sebelum ini.

Sehubungan itu, panel yang dipengerusikan Presiden Mahkamah Rayuan, Tan Sri Abang Iskandar Abang Hashim menolak rayuan kerajaan dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang mengisyiharkan pindaan terbabit sebagai terbatal dan tidak sah.

Sementara itu CUEPACS mencadangkan kenaikan pencen pesara kerajaan sebanyak dua peratus setiap tahun dikenakan sehingga kerajaan melaksanakan pelarasian gaji baharu penjawat awam.